

21/08/1999

Lawatan ke China tiada kaitan pilihan raya

Mustapa Omar in Beijing

BEIJING, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak tanggapan pihak tertentu bahawa lawatan rasminya selama tiga hari ke China ada kaitan dengan pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, beliau juga tidak fikir lawatannya itu akan menjadi isu dalam pilihan raya nanti, kecuali ada orang yang berfikir lain.

"Lawatan ini sudah lama dirancang sempena meraikan sambutan ulang tahun ke-25 hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

"Jika kerajaan memutuskan untuk mengadakan pilihan raya dalam tempoh terdekat ini sekali pun, ia hanya satu kebetulan," katanya di sini, hari ini sebelum berlepas ke Ulan Ude di Republik Buryatia, untuk lawatan dua hari ke wilayah Rusia itu.

Ini adalah lawatan kelima beliau ke China. Kali terakhir Dr Mahathir berkunjung ke sini ialah pada 1996.

Spekulasi mengenai kemungkinan Perdana Menteri membubarkan Parlimen sekembalinya dari China berdasarkan tindakan Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein mengumumkan pilihan raya selepas pulang dari China pada 1974.

"Keputusan Tun Abdul Razak mengumumkan pilihan raya ketika itu adalah haknya, tetapi saya tidak tahu apakah wajar bagi saya berbuat demikian. Saya perlu fikir mengenainya," katanya.

Dr Mahathir turut menolak dakwaan bahawa lawatannya itu bertujuan memancing undi daripada masyarakat Cina di Malaysia.

"Saya tidak nampak kenapa ia dianggap sebagai usaha memancing undi. Saya fikir masyarakat Cina di Malaysia lebih berminat dengan keadaan ekonomi di dalam negara daripada hubungan dengan China.

"China tidak akan menjadi faktor yang dapat menentukan undi masyarakat Cina, sebaliknya kestabilan ekonomi atau kedudukan ekonomi mereka. Ini yang akan menentukan sama ada mereka akan memilih kerajaan ataaau tidak," katanya.

Mengenai janji Pas untuk memberikan cuti bersalin tiga bulan kepada wanita jika ia berjaya menawan Terengganu, Perdana Menteri berkata, ia hanyalah janji kosong semata-mata.

"Hanya parti yang tahu bahawa ia tidak akan menang dan memerintah negara saja membuat janji seperti itu. Ini kerana mereka tidak perlu melaksanakan janji berkenaan. Mereka hanya mahu mendapatkan undi untuk menambah kerusi saja," katanya.

Selain cuti bersalin, Pas Terengganu dalam manifestonya turut menjanjikan kerja lima hari seminggu dan elaun seumur hidup kepada mereka yang tidak bekerja.

Malah, Dr Mahathir berkata, Pas juga sanggup menjanjikan syurga kepada mereka yang mengundi parti itu.

Ditanya sama ada beliau kesal terhadap apa yang berlaku selepas penyingkiran bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri berkata beliau tidak pernah kesal dan sekali lagi menegaskan tiada siapa yang boleh terlepas daripada undang-undang.

"Undang-undang perlu dilaksanakan. Tidak kira siapa yang melanggar undang-undang itu, sama ada timbalan perdana menteri, perdana menteri atau siapa saja," katanya.

(END)